

PETALING JAYA, 12 MEI (BERNAMA) -- PARA JURUTERA DIINGATKAN SUPAYA MENJALANKAN INISIATIF SENDIRI BAGI MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH ALAM SEKITAR AKIBAT PEMBANGUNAN.

MEREKA HENDAKLAH MENJANGKA MASALAH SERUPA ITU DAN LANGKAH-LANGKAH MENGATASINYA HENDAKLAH DIMASUKKAN KE DALAM RANCANGAN MEREKA DEMIKIAN KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR BIN MOHAMED HARI INI.

BERUCAP DI BENGKEL SERANTAU ASIA MENGENAI LATIHAN ALAM SEKITAR BAGI JURUTERA-JURUTERA AWAM DI SINI, BELIAU BERKATA, JIKA LANGKAH-LANGKAH SERUPA ITU TIDAK DAPAT DIJALANKAN MEREKA HARUS PULA MELIBATKAN DIRI DALAM PROSES SOSIAL, EKONOMI DAN POLITIK UNTUK MENGATASINYA.

SEBARANG PROJEK KEJURUTERAAN YANG SEDANG DAN AKAN DIJALANKAN MESTILAH DIRANCANGAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN SOSIAL DAN ALAM SEKITAR DAN BUKAN HANYA UNTUK MEMENUHI SYARAT-SYARAT EKONOMINYA.

HANYA DENGAN MEMBETULI SEGALA KESILAPAN DI MASA LAMPAU DAN MEMASTIKAN IA TIDAK BERULANG DALAM PROJEK-PROJEK MASA DEPAN, PARA JURUTERA DAPAT MEMBERIKAN SUMBANGAN YANG LEBIH BERMAKNA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA. --BERSAMBUNG 1230/1K

525:

JURUTERA 2 PETALING JAYA

DR. MAHATHIR MENYERU MEREKA SUPAYA TIDAK PATAH HATI DENGAN TENTANGAN-TENTANGAN TERHADAP BUAH FIKIRAN DAN CADANGAN MEREKA UNTUK MENCEGAH PENCEMARAN KERANA KERAP KALI BERLAKU PERTELAGAHAN ANTARA IHAK-PIHAK BERKENAAN.

+MASYARAKAT AKAN SENTIASA MENCURIGA; PERBAHAN WALAUPUN PERUBAHAN ITU MEMBAWA FAEDAH KEPADA MEREK, + KATANYA.

TAMBAHNYA, DI MASA DEPAN PARA JURUTERA AKAN LEBIH SEDAR TENTANG KESAN-KESAN KE ATAS SOSIAL DAN EKOLOJI AKIBAT KEGIATAN-KEGIATAN MEREKA. --BERNAMA 1234/1K

549:

JURUTERA 3 PETALING JAYA (SAMBUNGAN BERITA 525)

PENGERUSI JAWATANKUASA PENGANJUR, ENCIK T.T. CHIAM BERKATA, TUJUAN BENGKEL TERSEBUT IALAH UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA SEKUMPULAN JURUTERA-JURUTERA KANAN BINAAN ASIA MEMPELAJARI KONSEP BARU, CARA-CARA DAN PENGAJARAN BARU DALAM PROFESYEN MEREKA.

MEREKA JUGA AKAN MEMBINCANGKAN CARA-CARA MENGATASI MASALAH PERCEMARAN DI KAWASAN MASING-MASING.

LEBIH 30 ORANG PESERTA DAN PEMERHATI DARI 18 BUAH NEGARA - AFGHANISTAN, AUSTRALIA, BANGLADESH, BURMA, HONG KONG, INDIA, INDONESIA, IRAN, JEPUN, REPUBLIK KOREA, MALAYSIA, NEPAL, NEW ZEALAND, PAKISTAN, FILIPINA, SINGAPURA, SRI LANKA DAN THAILAND -- MENGHADIRI BENGKEL 11 HARI ITU.

LIMA KERTAS KERJA MELIPUTI PERLINDUNGAN PERCEMARAN DAN PENGAJARAN PERCEMARAN AKAN DIKEMUKAKAN. -- BERNAMA 1342/SZ